

SUK.D200(06)600/9/Jld 19 (16)



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 2 TAHUN 2025

BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI (BKKA) TAHUN 2025

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini adalah bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan mengenai Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2025 kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana serta lantikan politik dan turut dipanjangkan kepada pegawai lantikan MySTEP sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2025.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 07 Tahun 2025 bertarikh 26 Mac 2025 membuat keputusan bersetuju meluluskan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2025 kepada Penjawat Awam Negeri Kelantan sebanyak RM500.00 bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2025.

2.2 Di samping itu, BKKA Tahun 2025 ini juga turut dipanjangkan kepada pegawai lantikan politik serta lantikan Personel MyStep.

3. PEGAWAI YANG LAYAK

3.1 Pegawai yang **LAYAK** menerima Bayaran Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2025 adalah:

- (i) pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
- (ii) pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 15 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 27 Mac 2025;
- (iii) pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana yang layak tersebut merupakan;
 - a. pegawai lantikan tetap, sementara, *Contract Of Service (COS)*, Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), *Contract For Service (CFS)*, berelaun dan sambilan;
 - b. pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - c. pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - d. pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - e. pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya, yang mana BKKA Tahun 2025 ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.
- (iv) Personel MYSTEP yang masih berkhidmat pada 27 Mac 2025;
- (v) guru interim;
- (vi) pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan

- (vii) pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran serta Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman;
- (viii) pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 15 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 27 Mac 2025 di Jabatan Negeri yang mengisi waran perjawatan Negeri; dan
- (ix) pegawai lantikan politik termasuk:
 - a. Ahli- Ahli Majlis;
 - b. Penghulu (Mukim dan Tanpa Mukim Parlimen/Dun);
 - c. Halaqat (Ketua Pengelola, Timbalan Ketua Pengelola I & II)
 - d. Pembantu Halaqat;
 - e. Penyelaras ICT Dun;
 - f. Penyelaras Pembangunan Armalah DUN;
 - g. Guru Al-Quran dan Guru Fardu Ain;
 - h. Guru Jahitan (Muribah) Pusat Pembangunan Wanita;
 - i. Penyelia dan Petugas Pertubuhan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK); dan
 - j. Guru Institusi Pendidikan Islam Terpilih.

3.2 Pesara Perkhidmatan Awam Negeri dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara, *Contract Of Service (COS)*, Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), *Contract For Service (CFS)*, berelaun dan sambilan dan masih berkhidmat pada 27 Mac 2025 layak dibayar sebanyak RM500.00 oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

3.3 Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada **27 Mac 2025** layak diberi BKKA Tahun 2025 sebanyak RM500.00.

4. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

4.1 Pembayaran ini tidak layak diberikan kepada;

- (i) pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib buang kerja atau turun pangkat dalam tempoh **1 Januari 2025** hingga **27 Mac 2025**;
- (ii) pegawai yang tidak hadir bertugas secara berterusan tanpa cuti, atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Ketua Jabatan, atau tanpa sebab yang munasabah sepanjang tempoh **1 Januari 2025** hingga **27 Mac 2025**;
- (iii) pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh **1 Januari 2025** hingga **27 Mac 2025**;
- (iv) pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh **1 Januari 2025** hingga **27 Mac 2025**; dan
- (v) pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).

4.2 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) akan ditangguhkan pemberian BKKA Tahun 2025 ini. Pegawai hanya layak dibayar BKKA Tahun 2025 setelah dibebaskan daripada pertuduhan tatatertib atau dikenakan hukuman selain buang kerja atau diturunkan pangkat oleh PBTT yang berkenaan.

5. PELAKSANAAN PEMBAYARAN

Pegawai yang layak sebagaimana di perenggan 3 akan dibayar mengikut kadar sebagaimana berikut:-

BIL	KATEGORI PEGAWAI	JUMLAH (RM)
1.	Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 15 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 27 Mac 2025 adalah merupakan: a. pegawai lantikan tetap, sementara, <i>Contract Of Service (COS)</i>, Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), <i>Contract For Service (CFS)</i>, berelaun dan sambilan; b. pegawai yang bercuti bergaji penuh; c. pegawai yang bercuti separuh gaji; d. pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan e. pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bayaran tersebut akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.	500.00
2.	Personel MySTEP yang masih berkhidmat pada 27 Mac 2025.	500.00
3.	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 15 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 27 Mac 2025 di Jabatan Negeri yang mengisi waran perjawatan Negeri.	500.00

BIL	KATEGORI PEGAWAI	JUMLAH (RM)
4.	Pegawai Lantikan Politik adalah termasuk:	500.00
	a. Ahli- Ahli Majlis;	
	b. Penghulu(Mukim Dan Tanpa Mukim Parlimen/DUN);	
	c. Halaqat (Ketua Pengelola, Timbalan Ketua Pengelola I & II);	
	d. Pembantu Halaqat;	
	e. Penyelaras ICT DUN;dan f. Penyelaras Pembangunan Armalah DUN	
	a. Guru Al-Quran dan Guru Fardu Ain b. Guru Jahitan (Mudarrabah) Pusat Pembangunan Wanita; c. Penyelia Dan Petugas Pertubuhan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK); dan d. Guru Institusi Pendidikan Islam Terpilih.	250.00
5.	Pesara Perkhidmatan Awam Negeri dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara, <i>Contract Of Service (COS)</i> , Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), <i>Contract For Service (CFS)</i> , berelaun dan sambilan yang masih berkhidmat pada 27 Mac 20250.	500.00
6.	Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 27 Mac 2025.	500.00

6. **TARIKH PEMBAYARAN**

- 6.1 Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2025 ini dibayar mulai pada **27 Mac 2025** dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.
- 6.2 Pemberian BKKA Tahun 2025 ini dikecualikan cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

7. **TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **tarikh Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini dikeluarkan.**

8. **PEMAKAIAN**

Pekeliling ini terpakai kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Badan Berkanun Negeri untuk diterima pakai.

Sekian, terima kasih.

“ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”



DATO' HAJI AB.PATTAH BIN HASBULLAH, D.P.S.K (Kelantan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Bertarikh : **26** Ramadan 1446H
27 Mac 2025

SENARAI EDARAN :

- Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
- Semua Badan Berkanun Negeri
- Semua Ketua Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan